

PERKHIDMATAN E-GL

Jabatan Pendaftar

Mon 02/10/2017 8:24 AM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>;

Importance: High



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

02 OKTOBER 2017

11 MUHARRAM 1439H

PERKHIDMATAN E-GL

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato' /Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa staf boleh mendapatkan perkhidmatan Surat Jaminan (e-GL) bagi kemasukan ke hospital kerajaan melalui sistem HRMIS. Kemudahan e-GL ini hanya boleh diakses oleh staf tetap sahaja iaitu untuk diri sendiri dan tanggungan. Pendaftaran e-GL boleh dilakukan di kaunter pendaftaran di mana-mana hospital kerajaan.

Tatacara penggunaan e-GL adalah seperti berikut;

1. **Menggunakan kad pengenalan baru;**
2. **Mendapatkan pengesahan pesakit melalui sistem HRMIS di hospital yang berkenaan**
3. **Menerima maklumbalas daripada pihak hospital**

Istilah tanggungan staf tetap adalah merujuk kepada

1. **Isteri atau isteri-isteri atau suami yang sah;**
2. **Anak-anak yang ditanggung sepenuhnya termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang dengan syarat anak itu berumur tidak melebihi 18 tahun (kecuali anak yang masih belajar sepenuh masa tidak melebihi 21 tahun) dan tiada had umur bagi anak yang daif.**
3. **Ibu bapa yang sah (bermakna ibu kandung atau bapa kandung atau ibu tiri atau bapa tiri atau ibu angkat atau bapa angkat yang pertalian kekeluargaan adalah sah di sisi undang-undang.**

Bagi memudahkan urusan **e-GL, Insurans Kesihatan dan Persaraan Staf** , staf diminta untuk mengemaskini data maklumat peribadi masing-masing dengan menyerahkan salinan yang berkaitan kepada Unit ICT/HRMIS, Jabatan Pendaftar.

Data-data berikut adalah:

1. **Sijil nikah yang disahkan oleh kerajaan Malaysia. (Isteri pertama dan seterusnya)**
2. **Surat Penceraian.**
3. **Sijil Kelahiran Anak.**
4. **Kad pengenalan bagi pasangan, anak, ibu serta bapa.**
5. **Sijil kematian bagi pasangan, anak, ibu serta bapa.**
6. **Surat Tawaran Belajar (Bagi anak yang berumur 18 tahun dan melanjutkan pelajaran ke IPTA/IPTS)**
7. **Kad pengesahan OKU**

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **Encik Noorman Izzat bin Marzukhi** di talian 3135 atau **Puan Siti Marhashidah binti Omar** di talian 3139.

Sekian.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.